

02/08/1999

Kesatuan gesa JPA semak pelarasan gaji

KUALA LUMPUR, Ahad - Kesatuan lima badan berkanun yang baru menikmati pelarasan gaji seperti diumumkan kerajaan Jun lalu, masih tidak berpuas hati dengan jumlah bayaran yang diterima.

Sehubungan itu, Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan akan menghantar memorandum secara berasingan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyemak semula pelarasan gaji sejak 1 Januari 1995.

Pengerusinya, Mohd Noor Abdullah, berkata bayaran yang diterima hanya membabitkan tunggakan seperti Sistem Saraan Baru (SSB), sedangkan setiap agensi berkenaan mencadangkan kenaikan mengikut peratusan.

"Bagaimanapun, kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana bayaran yang diterima secara sekali gus dan memberi peluang kepada 10,892 pekerja yang tidak menikmati pelarasan gaji sejak 1995.

"Apa yang kita kesal adalah kenaikan berkenaan sama dengan SSB, sepatutnya ia lebih tinggi," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan pelarasan gaji berkenaan pada 4 Jun lalu, iaitu tiga hari sebelum ahli kesatuan bercadang mengadakan piket.

Dr Mahathir mengumumkan kenaikan gaji bagi kakitangan eksekutif RM200, manakala kakitangan bukan eksekutif pula RM150 sebulan, yang membabitkan kesan kewangan berjumlah RM92.4 juta.

Lima badan berkanun terbabit ialah Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Pekerja daripada lima badan berkanun itu mendakwa menerima gaji lebih rendah berbanding pekerja sektor awam lain sejak diasingkan daripada SSB mulai 1 Januari 1995.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

Mohd Noor yang juga Presiden Kesatuan Perkeso berkata, Perkeso bersama-sama dengan Cuepacs akan memperincikan masalah berkenaan dalam Seminar Mengenai Semakan Gaji di Perlis, Selasa ini.

"Perkeso kemudian akan mengemukakan cadangan baru kepada JPA mengenai pelarasan gaji yang sepatutnya dilakukan sejak empat tahun lalu," katanya.

(END)